

Isu naik caj gunting rambut

Sepakat RM1 hingga RM3

Kementerian,
pengusaha setuju
kadar kenaikan
upah tampung
kos tambahan

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Taiping: Hasil rundingan antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan penyedia perkhidmatan gunting dan dandanam rambut mencapai kata sepakat kenaikan caj adalah antara RM1 hingga RM3.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata kenaikan itu kerana menampung kos tambahan penyedia perkhidmatan membabitkan apron pakai buang dan sarung tangan yang akan turut dipakai oleh pelanggan sewaktu menggunakan perkhidmatan di premis terbabit.

Beliau berkata, pengendali yang ingkar ketetapan harga itu boleh dihukum denda sehingga RM500,000 bagi pemilik syarikat atau RM100,000 bagi individu perseorangan yang menjalankan perkhidmatan itu sekiranya kes berdepan tindakan mahkamah.

“Jika tidak didakwa di mahkamah, kompaun boleh dikeluarkan kepada pengendali perkhidmatan itu membabitkan antara RM50,000 sehingga RM250,000,” katanya selepas meninjau pusat dandanam rambut di Jalan Panggung Wayang, di sini, sempena lawatan kerjanya semalam.

Sehingga kini, katanya, KPD-